

## **Ulasan buku: Rumah limas rumah pusaka**

### **ABSTRAK**

Jika dilihat dalam konteks pendokumentasian sejarah dan pensejarahan, memoir merupakan antara wadah penting yang mempunyai nilai kesejarahannya tersendiri, asli dan asal, daripada penulis yang merakam dan mengungkapkan memori silamnya. Terpateri bersamanya ialah pengalaman bersejarah penulis itu sendiri tentang pelbagai rencah pengalamannya ketika mengharungi liku-liku kehidupan yang lalu. Kepada para peminat dan pengkaji sejarah Sabah, antara memoir mutakhir yang mempunyai nilai kesejarahan ialah Rumah Limas Rumah Pusaka. Memoir ini dikaryakan oleh sasterawan Sabah yang tersohor iaitu Harun Haji Salleh. Di manakah terzahirnya nilai kesejarahan yang pengulas maksudkan? Keseluruhan memoirnya. Justeru, kita terhutang budi dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah lantaran mengusahakan penerbitan memoir tulisan Harun Haji Salleh, yang bukan sahaja penting dari aspek khazanah kebahasaan dan kesusastraannya, bahkan dari aspek kesejarahannya juga.